



**Abbott**

## Garis Panduan Pihak Ketiga Abbott

Abbott komited untuk menjalankan perniagaannya dengan cara yang sah dan beretika, dan Abbott mengkehendaki Pihak Ketiga (contohnya, pengedar, peniaga, pemborong, penjual semula dan rakan pemasaran yang mempromosikan dan menjual produk Abbott) untuk mematuhi standard yang tinggi dan pematuhan etika yang mana Abbott sendiri patuhi.

Abbott mengkehendaki Pihak Ketiga untuk (i) mematuhi garis panduan berikut apabila bekerja bagi pihak Abbott dalam mengedarkan, memasarkan, mempromosikan atau menjual produk Abbott, (ii) mengekalkan kawalan dalaman (termasuk dasar dan latihan) yang direka untuk memastikan pematuhan, dan (iii) memastikan bahawa mana-mana subkontraktor atau agen yang dilantik oleh Pihak Ketiga menerima dan memahami garis panduan berikut:

1. **Mematuhi Undang-undang dan Kod Industri.** Abbott mengkehendaki Pihak Ketiga mematuhi semua keperluan undang-undang dan kod industri yang berkenaan. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada undang-undang anti sogokan dan anti rasuah, persaingan dan undang-undang amalan perniagaan yang tidak adil, sekatan terhadap aktiviti pengiklanan dan sebarang undang-undang, peraturan dan kod yang mengawal interaksi dengan Profesional Penjagaan Kesihatan (HCP), Institusi Penjagaan Kesihatan (HCI) dan Pegawai Kerajaan (GO).
  - a. HCP adalah mana-mana profesional perubatan berlesen atau dilatih secara saintifik yang menggunakan atau dijangka menggunakan lesen atau latihan tersebut dalam menyediakan penjagaan kesihatan kerja beliau, mana-mana orang yang membuat keputusan pembelian atau penggunaan mengenai produk Abbott untuk HCI.
  - b. HCI adalah mana-mana entiti, kemudahan, institusi, yayasan, persatuan, atau organisasi yang menggaji HCP atau tapak di mana HCP menyediakan penjagaan kesihatan kepada pesakit.
  - c. GO adalah mana-mana orang yang diambil bekerja oleh entiti yang dimiliki, dikawal, dibiayai atau dikendalikan oleh mana-mana peringkat kerajaan di mana-mana negara serta mana-mana orang yang bertindak sebagai agen atau wakil kerajaan.
2. **Interaksi dengan HCP, HCI dan GO.** Abbott komited untuk menjalankan perniagaan dengan cara yang betul, dan kami mengkehendaki perkara yang sama daripada Pihak Ketiga kami. Apabila memasarkan atau menjual produk Abbott, Abbott mengharapkan Pihak Ketiga tidak akan mengambil sebarang tindakan yang boleh mengganggu penilaian profesional bebas daripada HCP, HCI atau GO yang membeli, menetapkan atau menggunakan produk Abbott. Ini termasuk perkara berikut:
  - a. **Asas yang Betul untuk Interaksi.** Tiada nilai yang akan diberikan atau ditawarkan, termasuk barang yang dinyatakan dalam 2.b. - 2.h. di bawah, kepada HCP, HCI atau GO, untuk: (1) mendapat atau memberi ganjaran jualan; (2) memberi ganjaran kepada mana-mana hubungan yang lalu atau yang sedia ada; (3) memberi ganjaran kepada sebarang tindakan yang diambil oleh penerima; (4) mempengaruhi sebarang keputusan atau tindakan akan datang yang diambil oleh penerima; (5)

memperoleh atau mengekalkan perniagaan; atau (6) mengarahkan perniagaan kepada mana-mana orang atau menariknya daripada mana-mana orang. Ini tidak terhad kepada bayaran wang, dan termasuk menawarkan atau menyediakan perkara-perkara seperti hadiah, perjalanan, makanan, penginapan, geran, bayaran penceramah, derma dan penajaan.

- b. **Penajaan Perubatan.** Sekiranya dibenarkan oleh undang-undang dan kod industri yang berkenaan, Pihak Ketiga boleh memberi sokongan kepada HCP untuk menghadiri persidangan pendidikan, saintifik dan dasar awam pihak ketiga dan mesyuarat yang serupa. Penerima sokongan tersebut mesti mempunyai kelayakan yang sesuai, serta keperluan latihan atau pendidikan yang sah. Sokongan kewangan harus terhad kepada yuran pendaftaran persidangan dan perjalanan, makanan dan penginapan yang munasabah yang berkaitan dengan kehadiran di persidangan. Aktiviti bersiar-siar, hiburan, masa lapang atau sosial secara sendiri tidak boleh dibayar atau disediakan.
- c. **Sokongan Mesyuarat Pihak Ketiga.** Sekiranya dibenarkan oleh undang-undang dan kod industri yang berkenaan, Pihak Ketiga boleh menyediakan pembiayaan untuk menyokong persidangan bebas, pihak ketiga, pendidikan, saintifik dan dasar awam serta mesyuarat yang serupa. Jenis sokongan ini hanya boleh diberikan kepada organisasi yang mempunyai fungsi pendidikan yang tulen, dan bukan bagi orang perseorangan. Sokongan kewangan akan terhad kepada kos yang berpatutan yang berkaitan dengan persidangan pihak ketiga, termasuk kos keseluruhan program, kos gerai, kos dan perbelanjaan fakulti, dan makanan serta jamuan yang sederhana.
- d. **Tiada Hadiah; Peringatan Jenama, Barang Utiliti Perubatan dan Ihsan Kebudayaan.** Sekiranya dibenarkan oleh undang-undang dan kod industri yang berkenaan, peringatan jenama promosi, barang utiliti perubatan dan ihsan kebudayaan yang munasabah boleh disediakan. Barang utiliti perubatan adalah terhad kepada barangan pendidikan bernali sederhana yang bertujuan untuk membantu dalam penjagaan perubatan pesakit. Ihsan kebudayaan adalah terhad kepada kad ucapan atau barangan bernali nominal yang tidak tahan lama untuk mengiktiraf cuti kebangsaan atau agama atau pencapaian peribadi. Wang tunai atau kesamaan tunai tidak boleh diberikan.
- e. **Makanan dan Perjalanan.** Sekiranya dibenarkan oleh undang-undang dan kod industri yang berkenaan, HCP boleh disediakan dengan makanan yang sederhana dan boleh dibayar balik untuk perbelanjaan perjalanan yang munasabah (penginapan, makanan, pengangkutan, visa, insurans dan pendaftaran) berkaitan dengan acara latihan atau acara perniagaan yang sah. Makanan dan perbelanjaan perjalanan tidak boleh diberikan kepada tetamu, suami/isteri atau ahli keluarga HCP. Perjalanan ke tempat yang dikenali terutamanya untuk perjudian, hiburan, spa atau aktiviti sukan tidak dibenarkan. Perbelanjaan peribadi yang dilakukan oleh HCP atau penerima bantuan perjalanan lain, seperti caj pusat kecergasan, yuran spa atau perjalanan sampingan tidak boleh dibayar atau dibayar balik.
- f. **Pengaturan Perkhidmatan Profesional.** Sekiranya dibenarkan oleh undang-undang dan kod industri yang berkenaan, HCP boleh dibayar untuk menyediakan perkhidmatan profesional bona fide seperti berucap di persidangan dan sesi latihan pakar perubatan. Walau bagaimanapun, HCP mesti berkelayakan dengan

sewjarnya, terdapat keperluan perniagaan yang sah untuk perkhidmatan, yuran hendaklah berdasarkan nilai pasaran yang adil dan perkhidmatan perlu disediakan mengikut perjanjian bertulis.

- g. **Sumbangan Kebajikan.** Sekiranya dibenarkan oleh undang-undang dan kod industri yang berkenaan, sumbangan kepada organisasi atau entiti untuk tujuan kebaikan (seperti meningkatkan pemberian penjagaan kesihatan, meningkatkan akses kepada teknologi penjagaan kesihatan) dan bantuan kemanusiaan boleh disediakan.
  - h. **Bayaran Pemudahan.** Bayaran pemudahan adalah tidak dibenarkan. Bayaran pemudahan adalah bayaran kepada GO yang bertujuan untuk mempercepatkan tindakan kerajaan rutin yang mana pegawai atau pekerja sudah terikat untuk melaksanakannya (contohnya, mendapatkan permit, lesen, atau dokumen rasmi yang lain untuk melayakkan seseorang menjalankan perniagaan dalam negara, memproses permohonan visa, pemeriksaan penjadualan yang berkaitan dengan prestasi kontrak atau permohonan peraturan, atau menyediakan perkhidmatan telefon, elektrik atau bekalan air).
  - i. **Dokumentasi Sokongan Perbelanjaan.** Sebarang perbelanjaan yang terikat dengan aktiviti yang dibenarkan yang dinyatakan di atas mesti disokong dengan resit atau invois yang terperinci sepenuhnya, yang tepat pada masa dan diterangkan dengan tepat dalam laporan perbelanjaan perniagaan dan dokumen lain yang berkaitan.
3. **Simpan Buku dan Rekod yang Tepat.** Semua urus niaga dan perbelanjaan yang dilakukan oleh Pihak Ketiga berkaitan dengan perniagaan Abbott atau produk Abbott mesti direkod dengan tepat, tepat pada masanya dan secara terperinci. Semua rekod urus niaga dan perbelanjaan akan disimpan dalam buku, rekod dan akaun Pihak Ketiga, termasuk dokumen yang mencukupi untuk mencerminkan jenis, jumlah, penerima, kelulusan dan tujuan sebenar urus niaga tersebut. Pihak Ketiga dikehendaki mematuhi dan bekerjasama dengan audit Abbott, dan tidak boleh memberi gambaran yang salah atau menyembunyikan jenis atau jumlah sebarang urus niaga.
  4. **Sampel dan Produk Percuma.** Sekiranya dibenarkan oleh undang-undang dan kod industri yang berkenaan, kuantiti sampel produk Abbott yang munasabah boleh diberikan kepada HCP atau pelanggan. Kuantiti sampel yang disediakan mesti berpatutan berdasarkan produk, penerima dan jenis penggunaan yang dimaksudkan. Penerima mesti dimaklumkan bahawa sampel disediakan tanpa kos, dan tidak boleh dijual atau dibilkan kepada mana-mana pesakit, penanggung insurans swasta atau program insurans kerajaan.
  5. **Diskaun, Rebат, dan Istilah Perdagangan yang Lain.** Semua diskau, rebat, dan istilah perdagangan yang lain mesti didokumentasikan dengan sewajarnya dan dinyatakan kepada pelanggan. Diskaun (termasuk produk percuma yang disediakan dengan pembelian) mesti berdasarkan kriteria yang boleh diukur yang dinyatakan terlebih dahulu.
  6. **Konflik Kepentingan.** Keputusan perniagaan tidak boleh dipengaruhi secara tidak wajar oleh kepentingan peribadi atau hubungan, termasuk hubungan peribadi atau hubungan bukan perniagaan Abbott dengan pekerja Abbott. Sebarang keimbangan Pihak Ketiga mengenai potensi konflik kepentingan boleh dilaporkan kepada Abbott seperti yang diperincikan dalam Seksyen 12, di bawah.

7. **Pemasaran dan Amalan Promosi.** Pemasaran dan bahan serta aktiviti promosi mesti tepat, selaras dengan label produk yang diluluskan atau kebenaran pemasaran serta mematuhi undang-undang dan kod persatuan industri yang berkenaan. Produk Abbott mesti dipasarkan dan dipromosikan hanya untuk tujuan yang dimaksudkan dan diluluskan.
8. **Persaingan.** Perniagaan Abbott mesti dijalankan dengan cara yang mematuhi undang-undang anti-trust dan persaingan yang tidak adil. Gabungan dengan pesaing pada harga, atau peruntukan pelanggan, produk, wilayah, bandar atau pasaran adalah dilarang.
9. **Eksport dan Pematuhan Perdagangan.** Kawalan import dan eksport yang dikenakan, sekatan dan keperluan perdagangan yang lain mesti dipatuhi.
10. **Privasi Data.** Sebarang pengumpulan dan pengendalian maklumat peribadi individu hendaklah mematuhi undang-undang atau keperluan privasi dan perlindungan data yang berkenaan dan dasar atau notis privasi Abbott.
11. **Kerahsiaan.** Maklumat sulit Abbott, termasuk maklumat peribadi yang dikumpulkan untuk atau daripada Abbott, perlu dilindungi dan langkah-langkah diambil untuk mencegah kehilangan, penyalahgunaan, kecurian, penipuan, akses yang tidak wajar, pendedahan atau pengubahannya.
12. **Siapa Untuk Dihubungi bagi mendapatkan Bantuan.** Sekiranya anda mempunyai soalan mengenai sama ada sesuatu aktiviti dibenarkan di bawah Garis Panduan Pihak Ketiga ini, anda boleh menyuarakannya kepada pekerja Abbott yang anda bekerja.

Di samping itu, pekerja di Pejabat Etika dan Pematuhan Abbott (Office of Ethics and Compliance, OEC) boleh menjawab pertanyaan dan menangani kebimbangan, dan boleh dihubungi dengan pelbagai cara.

Telefon: +1-224-667-5210

E-mel: [oec@abbott.com](mailto:oec@abbott.com)

Faks: +1-224-668-3969

Alamat: 100 Abbott Park Road, Abbott Park, IL 60064, Amerika Syarikat

Anda juga boleh melayari Talian Bantuan Etika dan Pematuhan (Ethics and Compliance Helpline) (<https://speakup.abbott.com>) berbilang bahasa kami yang tersedia di seluruh dunia 24/7 untuk bertanyakan soalan atau menyuarakan kebimbangan mengenai potensi pelanggaran Tatakelakuan Abbott atau Garis Panduan Pihak Ketiga.

Tiada apa-apa dalam garis panduan ini yang bertujuan untuk melarang Pihak Ketiga daripada melaporkan sebarang kebimbangan atau aktiviti yang menyalahi undang-undang kepada pihak berkuasa kawal selia yang berkenaan.